

HUBUNGAN ANTARA LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DAN EFIKASI KENDIRI GURU RELATIONSHIP BETWEEN IN-SERVICE TRAINING AND TEACHER SELF-EFFICACY

Rusliza Yahaya¹

Norsamsinar Samsuddin²

Jessnor Elmy Mat Jizat³

Hemini Krishnan⁴

^{1,2,3,4} Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Accepted date: 8 November 2017

Published date: 19 December 2017

To cite this document: Yahaya R., Samsuddin N., Mat Jizat J.E., Krishnan H. (2017) Relationship Between In-Service Training and Teacher Self-Efficacy. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 2(6), 34-45

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap latihan dalam perkhidmatan, tahap efikasi kendiri guru dan hubungan antara dua pembolehubah tersebut. Kajian ini adalah berbentuk tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif dan soal selidik merupakan instrumen utama kajian. Saiz sampel yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 212 orang guru yang dipilih secara rawak dari tujuh buah sekolah menengah di Daerah Sungai Siput (U), Perak. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif min dan korelasi Pearson. Dapatkan kajian menunjukkan tahap keperluan latihan dalam perkhidmatan guru adalah sederhana manakala tahap efikasi kendiri guru adalah tinggi. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara latihan dalam perkhidmatan dengan efikasi kendiri guru. Implikasi kajian menunjukkan latihan dalam perkhidmatan yang dilaksanakan meningkatkan efikasi kendiri guru.

Kata Kunci: Latihan Dalam Perkhidmatan, Efikasi Kendiri, Guru, Sekolah Menengah

Abstract: This study was designed to examine the level of in-service training, the level of self-efficacy and the relationship between the two variables. This study used a quantitative approach and the questionnaire was the main instrument. The sample size involved 212 teachers who were randomly selected from seven secondary schools in Sungai Siput (N) District, Perak. Data was analysed using descriptive analysis of mean and Pearson Correlation. The findings revealed a positive significant relationship between in-service training and teacher self-efficacy. The study implicates that in-service training enhances self-efficacy of teachers.

Keywords: In-Service Training, Self-Efficacy, Teacher, Secondary School

Pendahuluan

Sistem pendidikan di Malaysia semakin berkembang dengan pesat dan mengalami pelbagai perubahan. Perubahan ini adalah demi meningkatkan kualiti pendidikan supaya setanding dengan negara maju yang lain serta menjadi pusat pendidikan di rantau ini. Pendidik pada setiap peringkat perlu menguasai ilmu pengetahuan baharu agar sentiasa memenuhi tuntutan semasa dan bersifat kompeten serta memberi kesan terhadap pembelajaran murid sepanjang dalam kerjaya mereka (Amin, 2008). Namun demikian, pelbagai isu sedang berlaku dalam bidang pendidikan yang melibatkan pihak guru khususnya. Berdasarkan kepada laporan kajian keputusan TIMSS (*Trends in International Mathematics and Science Study*) dan PISA (*Programme for International Students Assessment*) yang dilaksanakan pada tahun 2011, Malaysia telah memperoleh kedudukan satu pertiga terbawah dalam kalangan 74 buah negara yang menyertainya. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyatakan faktor utama kepada kegagalan tersebut adalah guru tidak mengajar dengan betul, diikuti dengan murid tiada kesungguhan menjawab dan format soalan yang terlalu panjang (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013). Pada tahun 2011, Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKePT) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menjalankan kajian kualitatif tentang pengajaran guru. Berdasarkan pemerhatian terhadap 125 pengajaran guru di 41 buah sekolah di Malaysia, hanya 12% sahaja guru yang mencapai tahap cemerlang, 38% orang guru berada pada tahap yang memuaskan dan selebihnya 50% guru mencapai tahap yang kurang memuaskan serta pengajaran tidak melibatkan pelajar sepenuhnya. Kebanyakan guru masih bergantung pada kaedah syarahan yang pasif dalam menyampaikan kandungan matapelajaran dan kurang mengaplikasikan aspek Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013).

Latihan dan pembangunan staf dalam bidang pendidikan adalah amat penting untuk membentuk warga pendidik yang kompeten dan berkelayakan tinggi. Natijahnya adalah penerapan elemen CPD (*Continuing Professional Development*) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Teras keempat iaitu mentransformasi keguruan sebagai profesi pilihan menggariskan bahawa kualiti CPD (*Continuing Professional Development*) akan dipertingkatkan mulai tahun 2013. Dua aspek yang utama dalam teras keempat ini yang diketengahkan adalah keperluan individu dan latihan berdasarkan sekolah yang perlu diberi tumpuan. Hal ini kerana latihan dan pembangunan staf yang berperingkat dalaman seperti pembelajaran melalui rakan sejawat dapat meningkatkan kemahiran seorang guru (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013).

Pernyataan Masalah

Latihan dalam perkhidmatan yang diadakan di sekolah mendapat kritikan kerana didapati sebahagian pelaksanaannya tidak efektif dan tidak menepati keperluan sebenar serta melibatkan perbelanjaan latihan yang terlalu tinggi (Mohamad Mortadza, 2005). Latihan dan pembangunan guru dikatakan kurang berkesan kerana dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti beban kerja, karenah birokrasi dan pengaruh politik. Guru-guru berpendapat bahawa pembangunan profesional berterusan adalah penting dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran. Namun demikian, masa pelaksanaan adalah terhad, barisan pentadbir kurang peka terhadap keperluan khusus sekolah dan kandungan kursus tidak memenuhi keperluan guru (Silva & Herdeiro, 2015). Ketiadaan hubungan antara kandungan latihan dengan situasi sebenar sekolah merupakan punca kepada kegagalan program latihan dan pembangunan guru. Berdasarkan kepada isu berkaitan latihan dan pembangunan yang telah dikemukakan, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan antara latihan dalam perkhidmatan yang diadakan


di sekolah dengan efikasi kendiri guru. Hal ini kerana, latihan semasa perkhidmatan adalah penting dalam meningkatkan efikasi kendiri seseorang guru serta mampu untuk membentuk pelajar mengikuti perubahan terkini dalam bidang pendidikan secara global (Sahin, 2013).

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji hubungan antara latihan dalam perkhidmatan dengan efikasi kendiri guru sekolah menengah di Sungai Siput (U), Perak. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini dirangka bagi menjawab soalan-soalan kajian seperti berikut:

1. Apakah tahap keperluan latihan dalam perkhidmatan guru sekolah menengah di Sungai Siput (U), Perak?
2. Apakah tahap efikasi kendiri guru sekolah menengah di Sungai Siput (U), Perak?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara latihan dalam perkhidmatan dengan efikasi kendiri guru sekolah menengah di Sungai Siput (U), Perak?

Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 1 merupakan kerangka konseptual kajian. Pembolehubah bebas dalam kajian ini, adalah latihan dalam perkhidmatan, manakala pembolehubah bersandar pula adalah efikasi kendiri guru yang merangkumi tiga aspek iaitu strategi pengajaran, penglibatan pelajar dan pengurusan bilik darjah.



Sorotan Literatur

Terdapat dua jenis latihan dan pembangunan bagi guru iaitu *INSET* (*In-service Education and Training*) dan *CPD* (*Continuing Professional Development*) yang merangkumi pelbagai aktiviti untuk mempertingkatkan pembelajaran dan pengajaran seseorang guru (Craft, 1996). Namun demikian, menurut Amin (2008) latihan dalam perkhidmatan dalam konsep *INSET* adalah berdasarkan model defisit dimana guru-guru diberi latihan dalam bentuk kursus dengan andaian guru-guru serba kekurangan dalam pengetahuan dan kemahiran. Manakala pembangunan profesional berterusan atau lebih dikenal sebagai *CPD* dibina berorientasikan model pertumbuhan. Dalam konteks *CPD*, pihak penganggar mengandaikan guru-guru mempunyai

potensi tertentu yang perlu digilap dan dikembangkan. Muhammad Faizal dan Abd. Khalil (2015) mendapatkan tahap keberkesanan pelaksanaan program perkembangan profesionalisme guru di sekolah berprestasi tinggi dan berprestasi rendah adalah tinggi dan sangat memuaskan. Selain itu, tahap penerimaan warga sekolah berprestasi tinggi dan berprestasi rendah mengenai model program perkembangan profesionalisme guru adalah tinggi (Muhammad Faizal & Abd. Khalil, 2015). Ini menunjukkan warga sekolah menerima model program perkembangan profesionalisme guru dan mengakui keberkesanannya dalam meningkatkan kompetensi mereka.

Latihan dan pembangunan guru sering kali kurang diberi penekanan disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kekurangan peruntukan, kesuntukan masa, beban kerja, karenah birokrasi dan sebagainya (Silva & Herdeiro, 2015). Pelaksanaan latihan dan pembangunan guru adalah sekadar untuk memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak atasan, dasar atau dokumentasi yang diperlukan oleh pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Memandangkan pendidikan sedang kian berkembang dengan pesat, maka warga pendidik tidak harus kekal statik. Latihan dan pembangunan guru adalah amat penting supaya dapat mengadaptasi diri dengan perubahan yang sedang berlaku (Afsaneh & Sunah Cho, 2015). Warga pendidik dapat berkongsi idea, amalan pengajaran dan mengatasi masalah yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran bersama melalui penglibatan dalam latihan dan pembangunan guru.

Latihan dan pembangunan guru adalah amat penting demi untuk melengkapi diri guru supaya selari dengan arus transformasi pendidikan. Penglibatan secara aktif warga pendidikan dan pelaksanaan latihan dan pembangunan guru yang berkesan mampu meningkatkan efikasi guru (Sarah, Byrnes & Sudweeks, 2014), meningkatkan kepuasan guru, mengelakkan situasi *burnout* (Skaalvik & Skaalvik, 2010) dan seterusnya secara tidak langsung melonjakkan pencapaian pelajar. Sampel kajian mereka menunjukkan peningkatan efikasi kendiri setelah menghadiri latihan dalam perkhidmatan berbanding guru yang tidak mengikuti latihan dalam perkhidmatan.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Length (2013), menunjukkan bahawa tahap efikasi kendiri guru bertambah setelah menghadiri latihan pembangunan guru. Terdapat peningkatan yang signifikan terhadap efikasi kendiri guru apabila guru tersebut terlibat dalam bengkel berkaitan dengan kursus pembangunan guru. Yuksel (2014) juga mendapati bahawa latihan dalam perkhidmatan dapat meningkatkan tahap efikasi guru. Dapatan kajiannya menunjukkan kursus pengurusan bilik darjah bagi guru pra perkhidmatan telah menyumbang kepada perkembangan tahap efikasi dalam diri masing-masing, manakala jantina dan jenis fakulti tidak menunjukkan perubahan yang signifikan. Pencapaian akademik seseorang tidak mempengaruhi kebolehan untuk mengurus bilik darjah, malah ia merupakan suatu kemahiran. Melalui percubaan, seseorang guru akan sentiasa memperbaiki kesilapan atau tekniknya untuk menghadapi situasi yang baru dan ini secara tidak langsung sedang meningkatkan tahap efikasinya. Oleh itu, guru dalam pra perkhidmatan perlu mempelajari teknik daripada guru yang berpengalaman. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Aziah, Loh dan Abdul Ghani Kanesan (2015) mendapati tahap efikasi kendiri guru secara keseluruhannya adalah tinggi. Manakala hubungan antara latihan dalam perkhidmatan serta dimensi-dimensi Komuniti Pembelajaran Profesional dengan efikasi kendiri guru mempunyai hubungan yang signifikan tetapi pada tahap yang lemah. Pengkaji menjelaskan guru-guru mempunyai tahap efikasi kendiri yang tinggi walaupun masih mengamalkan cara kerja secara bersendirian kerana terdapat banyak beban tugas guru yang memerlukan guru bekerja secara bersendirian berbanding secara kolaboratif.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian deskriptif dan pendekatan yang digunakan adalah berbentuk tinjauan. Populasi dalam kajian ini adalah guru-guru yang mengajar di sekolah menengah Sungai Siput (U), Perak. Bilangan sekolah yang terlibat dalam kajian adalah sebanyak tujuh buah sekolah. Bilangan populasi adalah 470 orang guru. Penetapan jumlah sampel adalah berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Sampel sebanyak 250 orang guru telah dipilih secara rawak dan borang soal selidik yang telah dikembalikan adalah 230 (kadar respon sebanyak 92%). Namun, hanya 212 soal selidik yang lengkap dan dapat digunakan dalam analisis kajian ini.

Instrumen yang digunakan berbentuk soal selidik. Borang soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian A adalah merangkumi demografi responden. Bahagian B adalah item-item berkaitan dengan latihan dalam perkhidmatan. Bahagian ini mempunyai 13 soalan bertujuan untuk mendapatkan penilaian guru terhadap latihan dalam perkhidmatan. Item dalam soal selidik ini diadaptasi daripada Lokman (2011) dan Sailin (2007). Bahagian C pula merupakan item-item untuk menilai efikasi kendiri guru diadaptasi daripada Tschannen-Moran dan Hoy (2001). Ia terbahagi kepada tiga dimensi utama yang ingin dikaji iaitu strategi pengajaran dan pembelajaran, penglibatan pelajar dan pengurusan bilik darjah. Bilangan item soalan dalam bahagian ini adalah sebanyak 23. Skala Likert digunakan dalam soal selidik Bahagian B dan Bahagian C. Skala pengukuran menggunakan pemberat secara meningkat daripada sangat tidak setuju (dengan nilai indikator 1) sehingga sangat setuju (dengan nilai indikator 5).

Dapatan Kajian

Profil Responden

Jadual 1: Profil Responden Kajian

Kategori	Kumpulan	Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	83	39.2
	Perempuan	129	60.8
Pengalaman Mengajar	1-5 tahun	30	14.2
	6-10 tahun	66	31.1
	11-15 tahun	62	29.2
	Lebih 15 tahun	54	25.5
Lokasi Sekolah	Bandar	170	80.2
	Luar Bandar	42	19.8

Jadual 1 menunjukkan jumlah responden dalam kajian ini adalah seramai 212 orang guru. Bilangan guru lelaki adalah seramai 83 orang iaitu 39.2%. Manakala guru perempuan pula adalah seramai 129 orang iaitu 60.8%. Dari aspek pengalaman mengajar, terdapat empat kategori yang mempunyai julat sebanyak empat tahun. Bilangan guru yang mengajar selama enam hingga sepuluh tahun adalah tertinggi iaitu seramai 66 orang guru, diikuti dengan 11 hingga 15 tahun seramai 62 orang guru dan melebihi 15 tahun mengajar adalah seramai 54 orang guru. Guru permulaan yang mempunyai pengalaman mengajar sebanyak setahun hingga lima tahun adalah paling sedikit iaitu 30 orang guru. Kedudukan sekolah terbahagi kepada dua kategori iaitu bandar dan luar bandar, berdasarkan status sekolah yang diklasifikasikan oleh

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP). Berdasarkan analisis deskriptif frekuensi, bilangan sekolah bandar ialah lima buah manakala sekolah luar bandar ialah sebanyak dua buah. Seramai 170 orang guru bertugas di sekolah bandar dan hanya 42 orang guru bertugas di sekolah luar bandar.

Tahap keperluan latihan dalam perkhidmatan

Analisis deskriptif min digunakan untuk mengkaji soalan kajian yang pertama iaitu apakah tahap latihan dalam perkhidmatan (ldp) guru sekolah menengah di Sungai Siput (U), Perak. Secara keseluruhannya, nilai min yang diperoleh adalah 3.27. Tahap keperluan latihan dalam perkhidmatan bagi guru sekolah menengah di Sungai Siput (U), Perak adalah sederhana.

Tahap efikasi kendiri guru

Analisis deskriptif min digunakan untuk mengkaji soalan kajian yang kedua iaitu apakah tahap efikasi kendiri guru sekolah menengah di Sungai Siput (U), Perak. Dalam kajian ini, efikasi kendiri guru dikaji dari tiga aspek yang utama iaitu strategi pengajaran, penglibatan pelajar dan pengurusan bilik darjah.

Jadual 2: Efikasi Kendiri Guru

Dimensi efikasi kendiri guru	Min
Strategi pengajaran dan pembelajaran	4.24
Pengurusan bilik darjah	4.18
Penglibatan pelajar	4.15
Min keseluruhan	4.19

Jadual 2 menunjukkan nilai min keseluruhan yang diperoleh adalah 4.19. Secara keseluruhan, tahap efikasi kendiri guru sekolah menengah di Sungai Siput (U), Perak adalah tinggi. Bagi aspek strategi pengajaran dan pembelajaran, nilai min keseluruhan ialah 4.24. Efikasi kendiri guru dalam aspek ini berada pada tahap yang tinggi. Item C6 iaitu “saya boleh menyediakan penerangan atau contoh alternatif jika pelajar masih keliru” mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu 4.36. Bagi aspek pengurusan bilik darjah pula, nilai min yang tertinggi ialah item C13 iaitu “saya dapat mententeramkan pelajar yang mengganggu atau bising” dengan nilai min 4.30. Manakala bagi aspek penglibatan pelajar pula, item C21 iaitu “saya dapat membantu pelajar menghargai pembelajaran” mempunyai nilai min yang tertinggi iaitu 4.28.

Hubungan antara latihan dalam perkhidmatan dengan efikasi kendiri guru

Analisis korelasi digunakan untuk mengkaji hubungan antara latihan dalam perkhidmatan dengan efikasi kendiri guru.

Jadual 3: Korelasi di antara latihan dalam perkhidmatan (ldp) dengan efikasi kendiri guru

Pemboleh ubah	r	Sig.
Latihan dalam perkhidmatan	0.317	0.000**
Efikasi kendiri guru		

**Signifikan pada aras 0.01

Berdasarkan kepada Jadual 3, nilai pekali korelasi (r) yang diperoleh adalah 0.317. Ini menunjukkan terdapat hubungan positif iaitu semakin meningkat latihan dalam perkhidmatan yang diberikan semakin meningkat efikasi kendiri guru.

Jadual 4: Korelasi di antara latihan dalam perkhidmatan dengan dimensi-dimensi efikasi kendiri guru

	Strategi pdp	Pengurusan bilik darjah	Penglibatan pelajar
Latihan dalam perkhidmatan	.261**	.248**	.362**
Nilai p	0.000	0.000	0.000

**Signifikan pada aras 0.01

Jadual 4 menunjukkan korelasi antara latihan dalam perkhidmatan dengan ketiga-tiga dimensi efikasi kendiri guru. Nilai pekali korelasi (r) yang diperoleh bagi hubungan antara latihan dalam perkhidmatan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran (pdp) adalah 0.261. Hubungan antara latihan dalam perkhidmatan dengan pengurusan bilik darjah adalah lemah dengan nilai pekali korelasi sebanyak 0.248. Begitu juga dengan hubungan antara latihan dalam perkhidmatan dengan penglibatan pelajar, dimana nilai pekali korelasinya adalah 0.362. Dimensi ini mempunyai pekali korelasi yang terendah. Berdasarkan Jadual 4, terdapat hubungan yang signifikan antara latihan dalam perkhidmatan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran ($r=0.261$), pengurusan bilik darjah ($r=0.248$) dan penglibatan pelajar ($r=0.362$). Namun demikian, ketiga-tiga dimensi yang dikaji ini mempunyai hubungan yang lemah dengan latihan dalam perkhidmatan.

Perbincangan

Hasil dapatan ini adalah selari dengan hasil dapatan kajian oleh M. Nur dan Norasmah (2011), di mana keperluan latihan dalam perkhidmatan bagi guru berada pada tahap memuaskan. Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, latihan dalam perkhidmatan yang diberikan kepada guru sekolah menengah Sungai Siput (U), Perak adalah menjurus kepada perubahan yang berlaku kepada persekitaran sekolah dan sistem pendidikan pada masa kini serta kurang membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Didapati guru-guru di sekolah menengah sekitar kawasan Sungai Siput (U), belum mendapat latihan yang cukup dalam memilih dan membina bahan bantu mengajar yang hendak disampaikan kepada pelajar kerana kandungan kursus tidak diberikan secara mendalam.

Selain itu, latihan dalam perkhidmatan yang diterima oleh guru ini kurang membantu dalam merancang pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Hasil dapatan ini adalah 3.24 iaitu rendah jika dibandingkan dengan kajian yang dilakukan oleh Chung dan Jamaludin (2010), dimana nilai min adalah 3.74 dan guru-guru yang mengikuti kursus ICT (*Information and Communication Technology*) dapat mempelbagaikan strategi pengajaran berbanding guru yang

tidak menghadiri kursus tersebut. Latihan dalam perkhidmatan yang inovatif perlu diberikan kepada guru dari semasa ke semasa supaya guru sentiasa peka dan boleh mengaplikasikan keperluan pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan pelajar terkini (Muzirah & Nurhana, 2013).

Hasil dapatan ini juga adalah rendah berbanding dengan hasil kajian yang dilakukan oleh Lokman dan Kalsom (2009) dan Muhammad Faizal dan Abd. Khalil (2015), dimana tahap keperluan latihan dalam perkhidmatan bagi guru berada pada tahap yang tinggi. Namun demikian, terdapat persamaan antara kedua-dua kajian ini dimana kelemahan yang perlu diperbaiki terutama dalam aspek membantu guru dalam membina bahan bantu mengajar yang sesuai diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Oleh itu, latihan dalaman yang dianjurkan perlu memenuhi keperluan guru supaya lebih bermakna serta bermanfaat. Hal ini kerana latihan dalaman yang berkesan dapat memberi implikasi yang baik kepada pelajar dan juga guru. Guru-guru mendapati latihan dalaman bermanfaat dari segi meningkatkan kompetensi, mutu dan kemahiran pengajaran mereka.

Selain mempertimbangkan keperluan guru, pengajur latihan dalaman atau pihak sekolah sekolah juga perlu mengambil kira masa yang bersesuaian untuk menjalankan latihan dalaman (Silva & Herdeiro, 2015). Latihan dalam perkhidmatan yang dilakukan selepas waktu persekolahan, waktu peperiksaan atau cuti persekolahan akan menimbulkan kesukaran kepada guru untuk menghadirinya serta guru yang hadir tidak akan memberikan perhatian sepenuhnya. Kesannya, objektif latihan dalaman tidak akan tercapai sepenuhnya.

Efikasi kendiri guru diuji dari tiga aspek iaitu pengurusan bilik darjah, strategi pengajaran dan pembelajaran serta penglibatan pelajar. Berdasarkan analisis diskriptif, nilai min yang diperoleh adalah 4.19. Oleh itu, efikasi kendiri bagi guru di sekolah menengah Sungai Siput (U), Perak berada pada tahap tinggi.

Efikasi kendiri merupakan salah satu aspek penting yang perlu dimiliki oleh setiap guru kerana ia menyumbang kepada keberkesanan sesebuah sekolah. Berdasarkan kajian-kajian lepas, efikasi kendiri guru mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar, motivasi pelajar, kompetensi dan kepuasan guru. Hasil dapatan kajian ini adalah selari dengan kajian oleh Khalid (2009) dan Zaidatol Akmaliah (2008) yang mendapati guru-guru yang menjadi responen kajian turut memiliki tahap efikasi yang tinggi. Walau bagaimanapun, dimensi efikasi kendiri yang mempunyai tahap tertinggi dalam kajian Khalid (2009) dan Zaidatol Akmaliah (2008) adalah dimensi pengurusan bilik darjah, diikuti strategi pengajaran dan penglibatan pelajar. Manakala dalam kajian ini, dimensi efikasi kendiri yang mempunyai tahap tertinggi adalah strategi pengajaran, diikuti pengurusan bilik darjah dan penglibatan pelajar.

Kajian ini mendapati strategi pengajaran mempunyai nilai min yang tertinggi berbanding dimensi yang lain. Matlamat utama guru adalah menyampaikan ilmu kepada pelajarnya. Oleh itu, seseorang guru akan mengambil inisiatif untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan kaedah penilaian sesuai dengan kemampuan pelajarnya. Guru-guru menyahut setiap cabaran Kementerian Pendidikan Malaysia seperti menerima KBAT (kemahiran berfikir aras tinggi) serta VLE (*Virtual Learning Environment*) dan program lain dan mengintergrasikannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan harapan ia mampu meningkatkan kefahaman pelajar serta mewujudkan suasana pembelajaran yang kreatif dan menyeronokkan.

Namun demikian, pengurusan bilik darjah dan penglibatan pelajar memperoleh nilai min yang rendah berbanding strategi pengajaran. Keadaan ini boleh dikaitkan dengan sikap pelajar. Guru-guru sering kali berdepan dengan masalah disiplin sehingga mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Guru-guru yang sering kali dibuli oleh pelajarnya menunjukkan efikasi yang rendah dari aspek pengurusan bilik darjah dan penglibatan pelajar (Ozkilic,2014).

Objektif kajian yang ketiga dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara latihan dalam perkhidmatan dengan tahap efikasi kendiri guru sekolah menengah di Sungai Siput (U), Perak. Berdasarkan analisis korelasi, nilai pekali korelasi (r) yang diperoleh adalah 0.317. Oleh itu terdapat hubungan antara latihan dalam perkhidmatan dengan tahap efikasi kendiri guru di sekolah menengah Sungai Siput (U), Perak tetapi hubungannya adalah lemah.

Dapatkan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara keperluan latihan dalam perkhidmatan dengan efikasi kendiri guru. Dapatkan kajian ini juga mempunyai persamaan dengan dapatan kajian oleh Length (2013) dan Yuksel (2014, Shawer (2015), Telljohann, Everett, Durgin dan Price (1996), Watson (2006), Yuksel (2014), Sarah, Byrnes dan Sudweeks (2014) serta Onafowora (2005). Kajian oleh Telljohann, Everett, Durgin dan Price (1996) mendapati bahawa terdapat peningkatan efikasi kendiri setelah menghadiri latihan dalam perkhidmatan selama 30 jam berbanding guru yang tidak mengikuti latihan dalam perkhidmatan. Menurut pengkaji ini, keberkesanan latihan juga bergantung kepada masa yang diperuntukan untuk latihan dalam perkhidmatan. Semakin panjang masa yang diperuntukan, semakin bertambah efikasi kendiri guru (Silva & Herdeiro, 2015).

Robert, Henson, Tharp dan Moreno (2001) turut menyatakan tempoh masa latihan dalam perkhidmatan yang optimum dapat meningkatkan efikasi kendiri guru. Dalam konteks kajian ini, guru wajib mengikuti minimum tujuh hari latihan dalaman (bersamaan 42 jam) dalam setahun tetapi masih memiliki efikasi kendiri yang rendah. Oleh itu, peruntukan masa untuk latihan dalam perkhidmatan kurang memainkan peranan yang penting. Pengisian masa dengan input yang membantu dalam pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan masa secara optimum adalah lebih penting berbanding penglibatan seseorang dalam latihan dalaman sekadar untuk memenuhi dasar yang telah ditetapkan.

Selain itu, nilai pekali korelasi yang diperoleh dalam kajian ini adalah rendah berbanding kajian yang dilakukan oleh Watson (2006), Kao dan Shih (2014), Yuksel (2014) dan Length (2013). Persamaan dalam kajian-kajian ini adalah di mana pekali korelasi adalah rendah dari segi pengurusan kelas. Latihan dalam perkhidmatan kurang membantu dalam pengurusan kelas seseorang guru kerana aspek ini kurang diberi penekanan semasa melaksanakan latihan dalaman. Isu yang berkaitan dengan pengurusan kelas (perlakuan negatif pelajar dalam kelas) akan diurus oleh unit disiplin dalam sesebuah sekolah dan menjadi tanggungjawab utama kepada unit ini untuk memperbaiki isu tersebut (Khalim, Rohani, Zakaria & Mizan Adiliah, 2007). Oleh itu, kebolehan seseorang dalam menguruskan kelasnya kurang dipertikaikan dan tidak diberi kursus atau latihan dalaman.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, didapati tahap keperluan latihan dalam perkhidmatan bagi guru sekolah menengah di Sungai Siput (U), Perak adalah sederhana. Bagi objektif kajian yang kedua, tahap efikasi kendiri guru sekolah menengah di Sungai Siput (U), Perak adalah tinggi. Manakala bagi objektif kajian yang ketiga, didapati terdapat hubungan yang signifikan antara latihan dalam perkhidmatan dengan efikasi kendiri guru.

Oleh yang demikian, pelbagai pihak seperti KPM, JPN PPD dan sekolah yang terlibat dalam menganjur latihan dalam perkhidmatan perlu mengambil kira keperluan guru, kandungan latihan, masa dan aspek-aspek yang lain secara terperinci sebelum melaksanakannya. Dengan cara ini, ia dapat menjadikan latihan dalam perkhidmatan sebagai suatu aspek yang penting pada setiap warga pendidik kerana bermanfaat serta dapat memberi kesan positif terhadap efikasi kendiri guru dan seterusnya terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.

Kajian ini mempunyai beberapa batasan. Kajian ini hanya menumpukan kepada guru-guru di sekolah menengah Sungai Siput (U), Perak sahaja. Dicadangkan agar kajian pada masa hadapan dapat dijalankan merangkumi responden yang lebih meluas. Kajian ini juga tidak mengkaji faktor demografi seperti pengalaman guru, jantina dan kelayakan ikhtisas terhadap efikasi kendiri guru. Oleh itu, faktor-faktor demografi ini boleh dikaji pada masa akan datang dengan melibatkan saiz sampel yang lebih besar. Kajian akan datang juga perlu mengkaji tempoh masa latihan kerana kajian Robert et al (2001) serta Silva dan Herdeiro (2015) menunjukkan bahawa tempoh masa latihan mempengaruhi efikasi kendiri guru.

Rujukan

- Aziah Ismail Abdullah, Loh, H.Y & Abdul Ghani Kanesan. (2015). *Komuniti Pembelajaran Profesional Dan Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah Di Pulau Pinang. Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 2(1). Diperoleh daripada http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/36547/v2n1_15_article1.pdf
- Afsaneh Sharif & Sunah Cho. (2015). 21st-Century Instructional Designers: Bridging The Perceptual Gaps Between Identity, Practice, Impact And Professional Development. *RUSC Universities and Knowledge Society Journal*, 12(3). Diperoleh daripada <http://doi.org/10.7238/rusc.v12i3.2176>
- Amin Senin. (2008). *Pembangunan Profesional Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Blueprint Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. (2013). Diperoleh daripada [http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary- ExecSummary-BM.pdf](http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint- ExecSummary-BM.pdf)
- Chung, M.H.C., & Jamaludin Badusah. (2010). Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Pengajaran di Sekolah-sekolah Rendah di Bintulu, Sarawak. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1).
- Correnti, R (2011). An Empirical Investigation Of Professional Development Effects On Literacy Instruction Using Daily Logs. *American Educational Research Association*, 29(4).
- Craft, A. (1996). Sexuality and Profound and Multiple Impairment. *Tizard Learning Disability Review*, 1.
- Kao, C., Chin, C.T., & Shih, M. (2014). Development Of A Survey To Measure Self-Efficacy And Attitudes Toward Web-Based Professional Development Among Elementary School Teachers. *Journal of Educational Technology & Society*, 17(4). Diperoleh daripada <http://search.proquest.com/docview/1660156262?accountid=13155>
- Khalid Johari. (2009). Pola Efikasi Guru Novis Sekolah Menengah. *Malaysian Journal Of Learning And Instruction*, 6.
- Khalim Zainal, Rohani Ahmad Tarmizi, Zakaria Kasa & Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (2007). Program Sistem Penalti: Kaedah Alternatif bagi Pengurusan Disiplin Pelajar. *Jurnal Pendidikan*, 32.
- Length, F. (2013). Self-Efficacy And Attitudes Of The Teacher Candidates Who Participated In Pedagogical Formation Training. *Academic Journal*, 8(21). Diperoleh daripada

<http://doi.org/10.5897/ERR2013.1560>

Lokman Mohd Tahir. (2011). *Orientasi Kepimpinan Pengetua Sekolah*. Skudai: Penerbit UTM Press.

Lokman Mohd Tahir & Kalsom Saleh. (2009). *Implikasi Latihan Dalaman Kepada Guru-Guru Sekolah Rendah*. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pendidikan. Diperoleh daripada

http://eprints.utm.my/11910/1/Implikasi_Latihan_Dalaman_Kepada_Guru.pdf

Muhammad Faizal Abdul Ghani & Abd. Khalil Adnan. (2015). Model Program Perkembangan Profesionalisme Guru Malaysia: Satu Kajian Analisis Keperluan Di Sekolah Berprestasi Tinggi Dan Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(2). Diperoleh daripada http://ejournal.um.edu.my/filebank/published_article/7382/April%20Bil%202.%20Isu%202%20-%205%20latest.pdf

Muzirah Ab Mokhti & Nurhana Mohamad Rafiuddin. (2013). Persepsi Guru Sains Yang Mengamalkan Lesson Study Sebagai Program Pembangunan Profesional Guru Terhadap Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran. . Kertas seminar yang dibentang dalam *the Global Summit on Education* . Diperoleh daripada http://worldconferences.net/proceedings/gse2013/papers_gse2013/140%20Muzirah%20binti%20Ab%20Mokhti.pdf

Nur Mustafa & Norasmah Othman (2011). *Latihan dalam perkhidmatan bagi meningkatkan kualiti pendidikan guru di Pekan Baru Riau, Indonesia*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 36(2). Diperoleh daripada [http://www.ukm.my/jurfpnd/volume%2036\(2\)/Latihan%20dalam%20Perkhidmatan%20bagi%20Meningkatkan%20Kualiti%20Pendidikan%20Guru.pdf](http://www.ukm.my/jurfpnd/volume%2036(2)/Latihan%20dalam%20Perkhidmatan%20bagi%20Meningkatkan%20Kualiti%20Pendidikan%20Guru.pdf)

Onafowora, L. L. (2005). Teacher efficacy issues in the practice of novice teachers. *Educational Research Quarterly*, 28(4). Diperoleh daripada <http://search.proquest.com/docview/216186706?accountid=13155>

Ozkilic, R. (2014). Students Bullying toward Teachers and Teacher Self-Efficacy Beliefs. *e t m l m*, 39(175). Diperoleh daripada <http://doi.org/10.15390/EB.2014.1766>

Robert, J.K., Henson, R.K., Tharp, B.Z., Moreno, N.P. (2001). An Examination Of Change In Teacher Self Efficacy Belief In Science Education Based On The Duration Of Inservice Activities. *Jurnal Of Science Teacher Education*. 12(3).

Diperoleh daripada http://download.springer.com.ezpustaka.upsi.edu.my/static/pdf/320/art%253A10123%252FA%253A1016708016311.pdf?originUrl=http%3A%2F%2Flink.springer.com%2Farticle%2F10.1023%2FA%3A1016708016311&token2=exp=1456929966~acl=%2Fstatic%2Fpdf%2F320%2Fart%25253A10.1023%25252FA%25253A1016708016311.pdf%3ForiginUrl%3Dhttp%253A%252F%252Flink.springer.com%252Farticle%252F10.1023%252FA%253A1016708016311*~hmac=aa1b0b2ffc8d499a5d650008f5964042fd75941c613c6a4aecc44679e56220b1

Sahin, H. (2013). Self-efficacy and attitudes of the teacher candidates who participated in pedagogical formation training. *Educational Research and Reviews*, 8(21).

Sailin bin Sarabini. (2007). *Penilaian Program Latihan Dan Pembangunan Profesionalisme Dalam PPSMI Anjuran Jabatan Pelajaran Sabah Di Sekolah- sekolah Rendah Daerah Keningau*. Masters thesis, Universiti Teknologi Malaysia.

Sarah K. Clark, S.K., Byrnes, D., Sudweeks, R.R. (2014). A Comparative Examination Of Student Teacher And Intern Perceptions Of Teaching Ability At The Preservice and Inservice Stages. *Journal Of Teacher Education*, 66(2).

Shawer, S. (2015). Professional Development in Education Classroom - level teacher professional development and satisfaction: teachers learn in the context of classroom - level curriculum development, 5257(October). *Professional Development in*

- Education*, 36(4). Diperoleh daripada <http://doi.org/10.1080/19415257.2010.489802>
- Silva, A. M., & Herdeiro, R. (2015). The work , perceptions and professional development of teachers, *Teaching and Teacher Education* 25(2).
- Diperoleh daripada <http://doi.org/10.1080/10476210.2012.759554>
- Skaalvik, E. M, & Skaalvik, S (2010). Teacher self-efficacy and teacher burnout : A study of relations. *Teaching and Teacher Education*, 26(4). Diperoleh daripada <http://doi.org/10.1016/j.tate.2009.11.001>
- Telljohann, S. K., Everett, S. A., Durgin, J., & Price, J. H. (1996). Effects of an inservice workshop on the health teaching self-efficacy of elementary school teachers. *The Journal of School Health*, 66(7). Diperoleh daripada <http://search.proquest.com/docview/215678087?accountid=13155>.
- Tschannen-Moran, M., & Woolfolk-Hoy, A. (2001) Teacher efficacy: Capturing an elusive concept. Teaching and Teacher Education, 17
- Yüksel, I. (2014). Investigating the impact of classroom management course on self-efficacy levels: An experimental study on pre-service teachers. *Egitim Ve Bilim*, 39(171) Diperoleh <http://search.proquest.com/docview/1521715086?accountid=13155>
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie. (1998). *Pentadbiran Pendidikan*. Shah Alam: Fajar Bakti